

Transformasi Tokoh Sejarah ke Layar Perak

SITI NUR IZRA SAFRA' ABD HALIM*
NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH
STEVEN ALEZENDER
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Filem Sejarah Nasional Malaysia [seterusnya FSNM] telah bertapak sejak tahun 1981 dengan kemunculan filem *Bukit Kepong* (1981). Sehingga tahun 2023, industri perfileman Malaysia telah menerbitkan tujuh FSNM. Kesemua filem ini telah memindahkan fakta sejarah berkaitan tokoh ke dalam naratif filem. Namun, proses ini berdepan dengan cabaran untuk menyeimbangkan pemaparan fakta sejarah yang tepat tentang tokoh dengan keperluan membina naratif yang menarik. Hal ini menimbulkan persoalan iaitu siapakah tokoh yang telah dipindahkan ke dalam FSNM dan apakah proses kreatif yang telah dilalui oleh tokoh-tokoh ini untuk dipersembahkan di layar perak. Bagi menjawab persoalan tersebut, satu kajian asas dengan reka bentuk kualitatif telah dijalankan. Analisis kandungan digunakan sebagai kaedah utama untuk mengumpul data. Kajian ini menggunakan teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva (1980) bagi meneliti proses kreatif yang terlibat dalam pemindahan tokoh di layar perak. Dapatan kajian menemui bahawa sebanyak tujuh tokoh telah dipindahkan ke dalam FSNM sebagai watak utama. Tujuh tokoh tersebut terdiri kepada tiga kategori iaitu nasionalis beruniform, nasionalis kemerdekaan dan nasionalis politik. Kesemua tokoh ini telah disalin dan dipindahkan secara penuh menerusi empat aspek iaitu nama, latar belakang, sumbangan serta perwatakan mereka. Selain itu, pemaparan ketujuh-tujuh tokoh dalam FSNM tidak dapat lari daripada proses pengolahan. Justeru, pemindahan tokoh dalam naratif turut melibatkan prinsip ekspansi bagi memaparkan kisah tokoh dengan lebih menarik dan prinsip haplologi bagi mengekalkan fokus naratif terhadap perjuangan tokoh. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada korpus ilmu terutamanya dalam menyediakan satu penelitian khusus terhadap proses kreatif yang dilalui oleh tokoh sejarah yang diangkat ke dalam filem.

Kata kunci: *Filem Melayu, filem sejarah intertekstualiti, proses kreatif, transformasi, tokoh sejarah.*

Transformation of Historical Figures to the Silver Screen

ABSTRACT

Malaysian National Historical Films (hereafter MNHF) have been established since 1981 with the release of *Bukit Kepong* (1981). As of 2023, the Malaysian film industry has produced seven FSNM. All of these films MNHFs transfer historical facts about historical figures to the narratives. The construction of MNHF's narratives involves transferring historical facts related to these figures into cinematic storytelling. However, this process faces the challenge of balancing accurate historical representation with the need to construct engaging narratives. This raises the question of which historical figures have been transferred into MNHFs and what creative processes they have undergone to be represented on the silver screen. To address this, a fundamental study employing a qualitative research design was conducted, with content analysis as the primary data collection method. The study applies Julia Kristeva's (1980) theory of intertextuality to examine the creative processes

*Penulis koresponding: izrasafra@gmail.com

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2026-4202-18>

Diterima: 12 April 2026 | Diperakukan: 23 June 2026 | Diterbitkan: 30 June 2026

involved in transferring historical figures onto the screen. The findings of this study reveal that a total of seven historical figures have been transferred into FSNM as main characters. These seven figures are categorised into three groups namely, uniformed nationalists, independence nationalists and political nationalists. All of these figures have been copied and transferred in full through four key aspects, namely their names, backgrounds, contributions and character portrayals. In addition, the representation of these seven figures in FSNM inevitably involves a process of adaptation. Thus, the transfer of characters within the narrative also incorporates the principle of expansion to present the figures' stories in a more engaging manner and the principle of hapology to maintain narrative focus on their struggles. Overall, this study contributes to the body of knowledge particularly by providing a focused examination of the creative processes involved in the representation of historical figures in film.

Keywords: *Malay film, historical film, intertextuality, creative process, transformation, historical figures.*

PENGENALAN

Filem nasional merupakan salah satu aliran dalam industri perfileman Malaysia. Filem nasional ditakrifkan sebagai filem yang dihasilkan oleh penggiat industri tempatan dengan menggunakan sumber dalam negara serta memaparkan ciri-ciri nasional seperti latar tempatan dan isu negara (Hatta, 1994; Street, 1997; Cooke, 1999). Takrifan ini sekali gus membezakan filem nasional daripada filem bercorak arus perdana yang dipengaruhi oleh gaya Hollywood (Fatimah & Nur Afifah, 2018). Dari segi genre, filem nasional terdiri daripada pelbagai bentuk seperti drama, percintaan, komedi, seram, aksi, perang, musikal dan juga sejarah (Hatta, 1997).

Di Malaysia, filem sejarah nasional bermula dengan penerbitan *Bukit Kepong* pada tahun 1981. Filem ini memenuhi ciri-ciri filem sejarah sebagaimana yang diuraikan oleh Niall (2017) iaitu mengangkat tokoh atau peristiwa sejarah, mempunyai konteks penerbitan serta unsur ikonografi yang mencerminkan identiti sesebuah negara bangsa. Sehubungan dengan itu, filem sejarah nasional dapat didefinisikan sebagai filem yang dihasilkan oleh penggiat industri filem tempatan berdasarkan tokoh atau peristiwa sejarah, mempunyai konteks penerbitan serta memaparkan identiti nasional negara.

Sehingga tahun 2023, sebanyak tujuh filem dalam genre ini telah dihasilkan iaitu *Bukit Kepong* (1981), *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983), *Leftenan Adnan* (2000), *1957: Hati Malaya* (2007), *Tanda Putera* (2013), *Kanang Anak Langkau* (2017) dan *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022). Kesemua filem ini menampilkan fakta sejarah berkaitan perjuangan tokoh-tokoh tertentu. Oleh itu, pembinaan naratif dalam filem sejarah nasional melibatkan proses penyalinan dan pemindahan fakta sejarah berkaitan tokoh ke dalam bentuk visual. Namun demikian, bagi memastikan daya tarikan kepada penonton, sesebuah filem perlu diolah secara sinematik dan kreatif (Roslina & Badrul Redzuan, 2020). Justeru, proses pemindahan tersebut semestinya melibatkan proses kreatif bagi mempersembahkan fakta sejarah dengan lebih menarik di layar perak. Pada masa yang sama, usaha ini turut menimbulkan cabaran kepada pembikin filem khususnya dalam mengekalkan keseimbangan antara tuntutan kreativiti dan ketepatan fakta sejarah. Oleh itu, makalah ini mempersoalkan siapakah tokoh yang telah ditransformasikan ke dalam FSNM dan apakah proses kreatif yang telah dilalui oleh tokoh-tokoh ini untuk dipersembahkan di layar perak?

Dari segi penulisan lepas, penelitian terhadap FSNM juga adalah masih terhad. Setakat ini penulisan-penulisan lepas hanya membincangkan subjek filem sejarah secara umum dan masih belum ada kajian yang mengkaji keseluruhan FSNM dengan meneliti proses kreatif

tokoh sejarah yang diangkat ke layar perak. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis proses kreatif yang telah dilalui oleh tokoh sejarah apabila diangkat sebagai ke dalam FSNM.

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan subjek FSNM. Walau bagaimanapun, penulisan yang mengangkat subjek FSNM secara khusus adalah masih terhad. Oleh yang demikian, bahagian ini akan meneliti penulisan-penulisan yang membincangkan subjek filem sejarah Malaysia.

Setakat ini, terdapat 15 penulisan yang terdiri daripada buku, tesis, jurnal dan artikel telah mengangkat subjek filem sejarah. Penulisan-penulisan tersebut membincangkan pelbagai skop dan topik yang dapat dibahagi kepada 12 kategori iaitu perbandingan fakta sejarah dengan filem (Siti Nur Izra Safra', 2022; Siti Nur Izra Safra' dan Nur Afifah, 2023), representasi sejarah (Jins Shamsudin, 2010; Wan Aida, 2011), perbandingan novel dengan filem (Mohd Pauzi, 2011), elemen patriotisme (Juhan Junaidi, Zairul Anuar Md. Dawam dan Rosli Sareya, 2021; Siti Rahimah, 2013), nilai murni (Rosaini Mamud, 2011), aspek bahasa (Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff dan Rohaya Md. Ali, 2018), audiens (Wan Aida Wan Yahaya, 2011), kriteria patuh syariah (Muhammad Ismail dan Rosli Mokhtar, 2022), aspek perpaduan ummah (Fatimah Shukri, Nur Asfarina dan Mohd Saipuddin, 2022), agenda filem (Mohamad Aqiel Shazwan, 2023), aspek pendekatan dakwah (Azean Idruwani Idrus dan Iffah Sakinah Othman, 2023) dan penelitian kajian-kajian lepas (Farah Iwani Azali dan Mohd Adi Amzar, 2023).

Menerusi 15 penulisan tersebut, terdapat tiga kajian yang hampir sama dengan fokus kajian yang ingin dijalankan. Penulisan-penulisan tersebut termasuklah tesis Doktor Falsafah Wan Aida Wan Yahaya (2011) bertajuk *Historical films and the Asian Nation Struggles for Independence and Emancipation – a Gendered Perspective*, tesis Sarjana Siti Nur Izra Safra' (2022) bertajuk *Fakta Sejarah dan Proses Kreatif dalam Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan** (2022) dan artikel Siti Nur Izra Safra' dan Nur Afifah Vanitha (2023) bertajuk *Fakta Sejarah dan Proses Kreatif dalam Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan** (2022). Walaupun ketiga-tiga penulisan ini meneliti representasi sejarah dalam filem, namun fokus kajian-kajian tersebut berlainan dengan kajian yang ingin dijalankan.

Tesis Wan Aida pula meneliti representasi sejarah bangsa menerusi 14 buah filem dari Asia Tenggara, India dan Jepun dengan memberi tumpuan terhadap isu-isu yang berbangkit terutamanya hak wanita. Tesis ini menemukan bahawa kesemua filem sejarah yang dikaji mempunyai perbezaan yang ketara dibandingkan dengan fakta sejarah dan perkara ini berpunca daripada perbezaan budaya dan perspektif sejarah oleh produksi yang menyebabkan pengguguran fakta sejarah dan penambahan elemen lain dalam filem sejarah. Manakala, representasi wanita dalam filem sejarah yang dikaji sering membangkitkan isu wanita yang inginkan kebebasan. Walaupun tesis Wan Aida turut meneliti proses yang dilalui oleh pemaparan fakta sejarah ke dalam filem, namun, perbincangannya adalah lebih umum dan tertumpu kepada isu hak wanita. Sedangkan kajian ini meneliti proses kreatif yang dilalui oleh pemaparan tokoh sejarah dengan mengaplikasikan teori intertekstualiti secara khusus.

Tesis Siti Nur Izra Safra' (2022) dan artikel oleh Siti Nur Izra Safra' dan Nur Afifah Vanitha (2023) dengan tajuk yang sama meneliti fakta sejarah dan proses kreatif yang terlibat dalam filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan*. Artikel ini mengaplikasikan teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva bagi meneliti aspek watak dan perwatakan, peristiwa dan budaya dalam filem MKKP. Dapatan kajian menemui bahawa aspek watak dan perwatakan serta peristiwa telah melalui tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, ekspansi dan

eksistensi. Manakala, aspek budaya yang terdiri daripada budaya kebendaan dan bukan kebendaan telah mengalami proses transformasi dan modifikasi. Walaupun tesis dan artikel ini turut meneliti proses kreatif serta menggunakan teori intertekstualiti sebagai kerangka, namun kajian tersebut hanya memfokuskan penelitian terhadap satu filem sahaja daripada tujuh FSNM yang telah diterbitkan. Sedangkan kajian yang dijalankan ini meneliti kesemua tujuh filem yang telah diterbitkan setakat 2023 bagi melihat bentuk proses kreatif yang digunakan oleh pengarah dalam mengangkat tokoh sejarah sebagai watak utama ke layar perak.

Menerusi kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, jelas bahawa kajian-kajian sedia ada mengenai filem sejarah membincangkan pelbagai konteks dan skop. Namun, penulisan yang membincangkan tentang proses kreatif khususnya terhadap tokoh sejarah yang diangkat dalam filem adalah masih terhad. Justeru, kajian ini berhasrat ingin mengisi kelompongan tersebut.

METODOLOGI

Artikel ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan bagi mencapai objektif kajian. Kajian kepustakaan melibatkan penelitian terhadap bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel jurnal, tesis, dokumen sejarah dan sumber-sumber berkaitan bagi memperoleh data yang berkaitan dengan kajian khususnya subjek FSNM. Sementara itu, analisis kandungan digunakan untuk meneliti proses kreatif yang dilalui oleh tokoh sejarah yang diangkat dalam FSNM. Justeru, analisis kandungan dimulakan dengan menonton ketujuh-tujuh sampel filem sejarah nasional Malaysia iaitu *Bukit Kepong* (1981), *Mat Salleh: Pahlawan Sabah* (1983), *Leftenan Adnan* (2000), *1957: Hati Malaya* (2007), *Tanda Putera* (2013), *Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior* (2017), dan *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022). Sampel filem dipilih berdasarkan ciri-ciri filem sejarah oleh Niall (2017) dan ciri-ciri filem nasional oleh Hatta (1994;1997), Street (1997) dan Cooke (1999).

Bagi mengenal pasti proses kreatif yang terlibat dalam pemaparan tokoh sejarah dalam FSNM, kajian ini mengaplikasikan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva. Teori ini berasaskan gagasan dialogisme yang diasaskan oleh Mikhail Bakhtin dan menekankan bahawa setiap teks mempunyai hubungan dengan teks-teks yang telah wujud sebelumnya. Menurut Kristeva, sesebuah teks tidak hadir secara terasing, sebaliknya terbina melalui penyerapan, pengubahsuaian dan pengolahan teks lain. Kristeva turut menjelaskan teks asal yang menjadi sumber rujukan dikenali sebagai hipoteks, manakala teks baharu yang terhasil daripada proses penciptaan dikenali sebagai hiperteks.

Selain itu, Kristeva turut menyatakan bahawa proses kreatif pengarang bermula dengan teks asal yang kemudiannya diubah suai dan diserap dalam pelbagai cara (Mawar Safei & Tuan Rusmawati, 2020). Justeru, Kristeva telah menggariskan 10 prinsip bagi mengkaji proses kreatif iaitu transformasi, modifikasi, demitifikasi, ekserp, konversi, eksistensi, defamiliarisasi, parallelisme, ekspansi dan haplologi. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terlibat dalam pemindahan tokoh sejarah ke dalam FSNM.

Dalam konteks FSNM, penghasilan sesebuah naratif tidak dapat dipisahkan daripada rujukan terhadap dokumentasi sejarah bagi memastikan fakta sejarah khususnya tokoh sejarah dipaparkan secara tepat. Namun begitu, pemaparan tokoh sejarah ke dalam naratif juga perlu melalui proses kreatif tertentu bagi menghasilkan naratif yang menarik. Justeru, hubungan antara dokumentasi sejarah dengan FSNM dilihat bersesuaian untuk diteliti melalui

teori intertekstualiti kerana teori ini membolehkan penelitian hubungan antara dokumentasi sejarah dengan filem dibuat bagi mengenal pasti proses-proses kreatif yang berlaku. Oleh itu, watak utama dalam FSNM (hiperteks) dibandingkan dengan fakta sejarah yang didokumentasikan dalam rekod sejarah (hipoteks) bagi mengenal pasti pemindahan tokoh-tokoh sejarah serta pengolahan yang telah dilalui oleh pemindahan tersebut.

Sebanyak tiga daripada 10 prinsip yang telah dikenal pasti terlibat dalam pemaparan tokoh sejarah ke dalam FSNM iaitu transformasi, ekspansi dan haplologi. Transformasi merujuk kepada proses penyalinan dan pemindahan daripada teks asal kepada teks baharu tanpa menghilangkan makna asasnya. Ekspansi pula melibatkan pengembangan idea, peristiwa atau watak daripada teks asal melalui penambahan maklumat atau elemen baharu. Sementara itu, haplologi merujuk kepada pengguguran unsur tertentu daripada teks asal yang dianggap tidak relevan atau tidak diperlukan dalam pembentukan teks baharu.

DAPATAN KAJIAN

Sebanyak tujuh tokoh sejarah telah dipaparkan dalam FSNM sebagai watak utama. Tokoh-tokoh ini terdiri daripada tiga kumpulan iaitu nasionalis beruniform, nasionalis kemerdekaan dan nasionalis politik. Nasionalis beruniform merujuk kepada tokoh yang berkhidmat secara rasmi dalam pasukan keselamatan seperti polis atau tentera. Nasionalis-nasionalis ini termasuklah Sarjan Jamil Md Shah, Leftenan Adnan dan Kanang Anak Langkau. Manakala, nasionalis kemerdekaan pula merujuk kepada tokoh yang memperjuangkan kebebasan di peringkat negeri. Nasionalis-nasionalis ini terdiri daripada Paduka Mat Salleh dan Mat Kilau. Nasionalis politik pula ialah tokoh yang terlibat dalam pentadbiran negara sama ada sebelum merdeka atau selepas merdeka. Nasionalis-nasionalis ini termasuklah Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Jadual di bawah memaparkan senarai tokoh yang ditransformasikan sebagai watak utama mengikut filem.

Jadual 1: Senarai transformasi tokoh sebagai watak utama

Filem	Tokoh
<i>Bukit Kepong</i> (1981)	Nasionalis Beruniform
<i>Leftenan Adnan</i> (2000)	Sarjan Jamil Md Shah
<i>Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior</i> (2017)	Leftenan Adnan
	Kanang Anak Langkau
<i>Mat Salleh Pahlawan Sabah</i> (1983)	Nasionalis Kemerdekaan
<i>Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan</i> (2022)	Paduka Mat Salleh
	Mat Kilau
<i>1957: Hati Malaya</i> (2007)	Nasionalis Politik
<i>Tanda Putera</i> (2013)	Tunku Abdul Rahman
	Tun Abdul Razak

Tokoh-tokoh sejarah yang diangkat dalam FSNM telah melalui proses kreatif yang melibatkan tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, ekspansi dan haplologi. Kesemua tokoh tersebut mengalami proses transformasi bagi memastikan identiti sejarah mereka dikekalkan. Namun begitu, terdapat empat tokoh sejarah yang turut mengalami proses pengolahan dalam pemaparan mereka. Tokoh-tokoh ini ialah Paduka Mat Salleh Leftenan Adnan, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Pengolahan ini melibatkan dua daripada 10 prinsip intertekstualiti iaitu ekspansi dan haplologi. Justeru, perbincangan seterusnya dibahagikan kepada tiga prinsip intertekstualiti iaitu

transformasi, ekspansi dan haplologi secara berasingan bagi meneliti bentuk pemindahan serta pengolahan yang berlaku dalam pemaparan tokoh-tokoh sejarah dalam FSNM.

TRANSFORMASI

Transformasi ketujuh-tujuh tokoh ke dalam naratif melibatkan pemindahan empat aspek iaitu nama, latar belakang, sumbangan dan perwatakan mereka. Keempat-empat aspek ini dipindahkan ke dalam filem bagi mengangkat identiti serta pengorbanan tokoh yang dipaparkan. Sehubungan itu, perbincangan seterusnya meneliti empat aspek yang telah dipindahkan tersebut.

a. Nama

Kesemua tokoh telah dipindahkan nama mereka dalam FSNM. Nama tokoh dipaparkan sebagai satu bentuk penonjolan identiti tokoh dengan jelas. Dua bentuk nama tokoh telah dapat dikenal pasti iaitu nama singkatan dan nama penuh. Nama singkatan lazimnya mula dipaparkan pada babak permulaan filem bagi memperkenalkan tokoh sebagai watak utama dalam naratif. Manakala, nama penuh pula dipaparkan sama ada pada babak permulaan atau babak pengakhiran sebagai satu tanda penghormatan dan penghargaan terhadap pengorbanan tokoh kepada negara. Jadual di bawah memaparkan minit pemaparan nama singkatan serta nama penuh ketujuh-tujuh tokoh dalam FSNM.

Jadual 2: Senarai transformasi nama penuh dan nama singkatan tokoh

No	Nama Penuh Tokoh	Masa Transformasi Nama Penuh (minit)	Nama Singkatan Tokoh	Masa Transformasi Nama Singkatan
1	Sarjan Jamil Md Shah	03:50	Sarjan Jamil	03:52
2	Paduka Mat Salleh	-	Paduka	05:36
3	Leftenan Adnan bin Saidi	106:55	Adnan	01:28
4	Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj	126:30	Tunku	06:10
5	Tun Abdul Razak Hussein	108:08	Tun	01:23
6	Temenggong Datuk Kanang Anak Langkau	101:00	Kanang	02:18
7	Mat Kilau bin Imam Rasu	00:30	Mat Kilau	10:50

Nama singkatan didapati lebih cenderung didedahkan berbanding nama penuh kerana bentuknya yang lebih ringkas dan realistik untuk dituturkan oleh watak-watak dalam filem. Penggunaan nama singkatan ini dapat dikenal pasti melalui dua bentuk iaitu penggunaan gelaran kehormat dan nama panggilan. Kesemua tujuh tokoh diperkenalkan melalui nama singkatan yang dimunculkan pada babak permulaan filem iaitu antara minit 01:23 hingga 10:50 sebagai strategi awal untuk memperkenalkan tokoh kepada penonton.

Walau bagaimanapun, nama penuh hanya dipaparkan bagi enam daripada tujuh tokoh iaitu Sarjan Jamil, Leftenan Adnan, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Nama penuh tokoh lazimnya dipaparkan secara visual melalui kapsyen pada layar sebagai salah satu strategi bagi memindahkan nama penuh tokoh dari medium bertulis ke medium filem. Gambar 1, Gambar 2, Gambar 3, Gambar 4, Gambar 5 dan Gambar 6 memaparkan pendedahan nama penuh tokoh sejarah dalam FSNM.



Rajah 1: Pemaparan nama penuh Sarjan Jamil Md Shah



Rajah 2: Pemaparan nama penuh Leftenan Adnan
Sumber: *Leftenan Adnan* (2000)



Rajah 3: Pemaparan nama penuh Tunku Abdul Rahman



Rajah 4: Pemaparan nama penuh Tun Abdul Razak



Rajah 5: Pemaparan nama penuh Kanang Anak Langkau



Rajah 6: Pemaparan nama penuh Mat Kilau

b. Latar Belakang

Latar belakang ketujuh-tujuh tokoh sejarah telah dipaparkan dalam FSNM. Pemaparan latar belakang tokoh melibatkan pemindahan empat aspek iaitu latar keluarga, asal-usul, latar pendidikan atau kemahiran serta kesihatan.

i. Latar Keluarga

FSNM cenderung memaparkan latar keluarga berbanding latar belakang lain tentang tokoh. Hal ini dapat diperhatikan apabila ketujuh-tujuh tokoh telah ditampilkan latar keluarga mereka dalam filem. Pemindahan latar keluarga melibatkan pemaparan empat kategori ahli keluarga iaitu isteri, anak, ibu bapa atau penjaga dan adik beradik. Pemaparan keempat-empat latar keluarga ini berperanan memaparkan hubungan kekeluargaan tokoh di sebalik perjuangan mereka. Jadual di bawah memaparkan proses pemindahan latar keluarga ketujuh-tujuh tokoh.

Jadual 3: Transformasi latar keluarga tokoh

Tokoh	Hipoteks	Hiperteks
Sarjan Jamil Md Shah	Isteri: Hajah Khaimah Binti Ibrahim Mempunyai 4 orang anak, 2 lelaki dan 2 perempuan. (Bukit Kepong, t.th)	Babak ini memaparkan Sarjan Jamil sedang menulis surat kepada isteri dan anak-anaknya. (Jins Shamsudin, 1981, minit 40:42)
Paduka Mat Salleh	Isteri pertama ialah Dayang Bandang yang merupakan anak saudara kepada Sultan Jamalul Kiram, Sultan Sulu. (Sabihah et al., 2012; 2)	Babak ini memaparkan Paduka Mat Salleh dan Paduka Dayang di dalam rumah sedang berbual. Paduka Dayang menyatakan bahawa beliau akan terus menyokong perjuangan Mat Salleh walau apa yang berlaku. (Omar Rojik, 1983, minit ke 14:00)

Leftenan Adnan	<p>Five years later he married Sophia Parkir, a teacher. The couple had three children two boys and one girl who died when she was barely two months old. (The Straits Times, 14 Februari 1996, 5)</p> <p>Selang beberapa tahun kemudian, Pak Saidi dan Makcik Ramlah dikurniakan pula dengan anak-anak bernama Fatimah, diikuti oleh Amirullah, Hashim, Dahalan dan Ahmad. (Mokhtar dlm Kol Ramli Abu Bakar, 2015, 13)</p>	<p>Babak ini memaparkan perkahwinan Adnan dengan Safi (Aziz M. Osman, 2000, minit ke 31:30)</p> <p>Babak ini memaparkan Adnan dan Safi menyaksikan pertunjukan bunga api bersama-sama anak lelaki mereka Mokhtar dan Zainuddin. (Aziz M. Osman, 2000, minit ke 50:40)</p> <p>Babak ini memaparkan Safi yang baru selamat melahirkan anak perempuan. (Aziz M. Osman, 2000, minit ke 99:57)</p> <p>Babak ini memaparkan Ahmad membaca surat yang dikirim oleh Adnan kepada keluarganya. Dalam surat tersebut, Adnan menyebut nama ibu, ayah dan kelima-lima orang adik beradiknya iaitu Ahmad, Amirullah, Hashib, Fatimah dan Dahlan. (Aziz M. Osman, 2000, minit ke 29:16)</p>
Tunku Abdul Rahman	<p>A few months after Meriam's death, Abdul Rahman went on leave to Singapore. Violet Coulson had arrived there from England. He married her secretly in Singapore according to Muslim rites. (Miller, 1982, 51)</p> <p>Unfortunately, it was not until 1946 that Abdul Rahman and Violet were divorced. In the meantime, in 1939 he was married again. As a Muslim there was no need for him to divorce Violet first. His bride was Sharifah Rodziah, daughter of a well-known family from Alor Setar which originated from Arabia. (Miller, 1982, 53)</p>	<p>Babak ini memaparkan Tunku Abdul Rahman yang menceritakan tentang isterinya Meriam dan Violet kepada Tun Abdul Razak. (Shuhaimi Baba, 2007, minit ke 39:10)</p> <p>Babak ini memaparkan Tunku Abdul Rahman berada di rumah bersama isterinya. Selepas perbualan mereka tamat, anak-anaknya iaitu Ang dan Mek datang ke arah Tunku dan duduk di sisinya. (Shuhaimi Baba, 2007, minit ke 12:42)</p>
Tun Abdul Razak	<p>After six months of engagement, the traditional Malay wedding of Tun Abdul Razak and Tun Hajah Rahah took place in Johor Bahru on September 4, 1952. (Paridah Abd Samad, 1998, 7)</p>	<p>Babak ini memaparkan Tun Abdul Razak dan isterinya di dalam kereta yang dipandu oleh pemandu mereka. (Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 03:00 hingga minit ke 13:58)</p>

	<p>The couple set up house in Kuala Lipis, Pahang, where their first child Mohd. Najib, named after President Nauib of Egypt, was born on July 23, 1953. Their second son, Ahmad Johari, was born on November 29, 1954, also in Kuala Lipis. The third son, Mohd Nizam, fourth son, Mohd Nazim, and fifth son, Mohd. Nazir were all born in Kuala Lumpur, on October 3, 1958, March 3 1962 and November 19, 1966, respectively. (Paridah Abd. Samad, 1998, 9)</p>	<p>Anak-anak Tun Abdul Razak dipaparkan dalam babak-babak yang berbeza. Johari dipaparkan menerusi babak dia yang berada di Malay College Kuala Kangsar sedang bertanyakan khabar keluarganya melalui telefon. Johari juga bertanyakan tentang keadaan rusuhan kaum yang berlaku. (Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 24:35 hingga minit ke 24:47)</p> <p>Najib mula dipaparkan semasa dia melawat ayahnya di klinik. Najib memberitahu bahawa dia akan datang melawat ayahnya lagi apabila cuti. (Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 82:22 hingga minit ke 83:00)</p> <p>Nizam, Nazim dan Nazir dipaparkan pada babak akhir, semasa upacara pengkebumian Tun Abdul Razak. Namun, filem tidak menjelaskan nama-nama mereka. (Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 104:13 hingga 104:17)</p>
Kanang Anak Langkau	<p>Seingat saya ada juga saya mengutus surat kepada Helen. Dipendekkan cerita kami berkahwin pada 25 Mei 1965 di Simanggang. Pada hari bersejarah itu juga saya telah dipanggil bertugas. (Maznan Noordin, 2013, 38)</p>	<p>Babak ini memaparkan majlis perkahwinan Kanang dan Helen diadakan di rumah panjang. Dalam babak ini juga dipaparkan Kanang terpaksa meninggalkan Helen pada hari perkahwinan mereka untuk menunaikan tugasnya sebagai seorang askar renjer. (Bade Hj Azmi, 2017, minit ke 9:00)</p>
Mat Kilau	<p>Isterinya yang pertama bernama Yang Chik Bte. Daud, dengannya telah mendapat empat orang anak iaitu Omar, Khalid, Mat Ali dan Khadijah. (Talib Samat, 2007, 33)</p>	<p>Babak ini memaparkan Mat Kilau berada di dalam rumahnya dan sedang berbual bersama-sama anaknya Omar dan isterinya Yang Chik. (Syamsul Yusuf, 2022, minit ke 16:13)</p>

Filem-filem sejarah ini cenderung memaparkan isteri dan anak tokoh berbanding ahli keluarga yang lain. Namun begitu, kaedah pemaparan maklumat ini berbeza di antara filem-filem tersebut. Isteri dan anak Paduka Mat Salleh, Leftenan Adnan, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Kanang Anak Langkau serta Mat Kilau dipaparkan secara eksplisit melalui kehadiran fizikal watak isteri. Manakala, latar keluarga Sarjan Jamil Md Shah dipaparkan secara implisit tanpa menampilkan watak isteri dan anak di layar. Maklumat ini hanya disampaikan melalui penyampaian monolog oleh Sarjan Jamil ketika babak menulis surat kepada isteri dan anak-anaknya pada minit ke 40:42. Kaedah ini selari dengan fokus naratif filem *Bukit Kepong* (1981) yang lebih menumpukan perjuangan kolektif pasukan polis menentang penganas komunis berbanding kisah peribadi watak utama.

Sementara itu, ibu bapa atau penjaga pula hanya dipaparkan bagi tiga tokoh iaitu Leftenan Adnan, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Manakala, adik beradik pula hanya dipaparkan bagi dua tokoh iaitu Leftenan Adnan dan Mat Kilau. Kedua-dua kategori ahli keluarga tersebut berfungsi sebagai pelengkap latar keluarga tokoh. Walau bagaimanapun, hanya pemaparan adik beradik Mat Kilau sahaja yang mempunyai fungsi tambahan iaitu bagi membantu perjuangan Mat Kilau menentang British selari dengan peranan mereka dalam sejarah sebagai pengikut Mat Kilau.

ii. *Asal Usul*

FSNM cenderung memaparkan asal usul tokoh. Daripada tujuh tokoh yang dipaparkan, lima daripadanya telah diperkenalkan asal usul mereka. Tokoh-tokoh tersebut terdiri daripada Paduka Mat Salleh, Leftenan Adnan, Tunku Abdul Rahman, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Pengenalan asal usul tokoh dipaparkan menerusi dua cara iaitu sama ada secara eksplisit atau implisit. Asal usul Paduka Mat Salleh, Leftenan Adnan, Tunku Abdul Rahman dan Mat Kilau dipaparkan secara eksplisit. Manakala, hanya asal usul Kanang Anak Langkau dipaparkan secara implisit. Proses pemindahan asal usul kelima-lima tokoh ini dapat diteliti dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Transformasi asal usul tokoh

Tokoh	Hipoteks	Hiperteks
Paduka Mat Salleh	Beliau adalah berdarah campuran antara etnik Dusun Suluk di sebelah pihak ayahnya dari Kampung Lingkabau, Sugut dan ibunya berketurunan Bajau-Dusun Inanam yakni telah menjadi ikon kepada etnik-etnik lain di Sabah. (Sabihah et al., 2007, 2)	Babak ini memaparkan seorang lelaki tua menceritakan tentang Paduka Mat Salleh yang berasal dari Sugut, Sabah. (Omar Rojik, 1983, minit ke 03:08)
Leftenan Adnan	Lieutenant Adnan Saidi was born in 1915 at Kampung Sungei Ramal Luar in Kajang, Selangor . (The Straits Times, 14 February 1996, 5)	Pemaparan latar asal Leftenan Adnan dalam bentuk paparan teks bertulis " Kg Sg Ramal ". Babak ini turut menggambarkan kepulungan Adnan ke kampung halamannya selepas tamat latihan rekrut. (Aziz M. Osman, 2000, minit 03:08)
Tunku Abdul Rahman	Tunku Abdul Rahman Putra dilahirkan sewaktu menjelang senjapada 8 Februari di sebuah istana kayu tiga tingkat di Alor Setar, Kedah yang dikenali sebagai Istana Pelamin. (Ramlah Adam, 2004, 18)	Babak ini memaparkan datuk Zahari sedang menceritakan tentang Tunku Abdul Rahman yang berasal dari Kedah. (Shuhaimi Baba, 2007, minit 06:00)
Kanang Anak Langkau	Saya dilahirkan di Karangan Manok Nanga Meluan pada 2 Mac 1945. (Maznan Noordin, 2013, 3)	Filem memaparkan Kanang tinggal di sebuah rumah panjang, bercakap dialek Sarawak dan memakai pakaian tradisional Sarawak semasa hari perkahwinannya. (Bade Hj. Azmi, 2017, minit 09:00)
Mat Kilau	Mat Kilau bin Imam Rasu dilahirkan di Pulau Tawar, Jerantut Pahang . (Arkib Negara Malaysia, 2011, 7)	Pemaparan teks lokasi: Pulau Tawar, Pahang (Syamsul Yusuf, 2022, minit 06:03)


Pemaparan asal usul secara eksplisit dapat diperhatikan menerusi penyampaian dialog dan visual teks lokasi tempat. Penyampaian dialog hanya digunakan dalam filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) yang disampaikan oleh sebuah watak fiksyen yang menceritakan tentang asal usul Paduka Mat Salleh dari Sabah. Manakala, visual teks pula digunakan dalam filem *Leftenan Adnan* (2000), *1957: Hati Malaya* (2007) dan *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022) menerusi kapsyen pada layar yang menyatakan nama lokasi seperti “Sungai Ramal” (*Leftenan Adnan*), “Alor Setar, Kedah” (*Tunku Abdul Rahman*) dan “Pulau Tawar, Pahang” (*Mat Kilau*). Gambar 7, Gambar 8 dan Gambar 9 memaparkan kapsyen lokasi yang menandakan asal usul tokoh.



Rajah 7: Paparan kapsyen asal usul Leftenan Adnan
Sumber: *Leftenan Adnan* (2000)



Rajah 8: Paparan kapsyen asal usul Tunku Abdul Rahman
Sumber: *1957: Hati Malaya* (2007)



Rajah 9: Paparan kapsyen asal-usul Mat Kilau

Pemaparan asal usul secara implisit pula hanya dipaparkan oleh Kanang Anak Langkau melalui pemaparan tempat tinggalnya di rumah panjang, pemakaian tradisional Sarawak pada hari perkahwinannya serta pertuturannya yang menggunakan dialek Sarawak. Justeru, gabungan ketiga-tiga petunjuk ini menyampaikan bahawa Kanang berasal dari negeri Sarawak tanpa menyatakan maklumat tersebut secara langsung. Gambar 10 di bawah menunjukkan pemaparan asal usul Kanang dalam filem.



Rajah 10: Pemaparan asal usul Kanang menerusi pemakaian tradisional Sarawak dalam filem *Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior* (2017)

iii. Latar Pendidikan atau Kemahiran

Latar pendidikan atau kemahiran hanya dipaparkan oleh empat tokoh iaitu Leftenan Adnan, Tunku Abdul Rahman, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Latar pendidikan melibatkan pemaparan pendidikan formal yang dimiliki oleh tokoh dan latar tersebut hanya dipaparkan oleh Tunku Abdul Rahman bagi menonjolkan kebijaksanaannya. Manakala, kemahiran pula melibatkan pemaparan bakat atau kehandalan yang dimiliki oleh tokoh. Kemahiran ditampilkan oleh Leftenan Adnan, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau bagi menggambarkan kegagahan serta kehandalan mereka dalam perjuangan di medan pertempuran. Jadual di bawah memaparkan proses transformasi latar pendidikan dan kemahiran tokoh.

Jadual 5: Transformasi latar pendidikan atau kemahiran tokoh

Tokoh	Hipoteks	Hiperteks
Leftenan Adnan	Jika mereka dapat melaksanakan kesemua ujian ini, maka tahap ilmu kependekaran boleh dikatakan setaraf dengan Tok Pendekar Sutan Bauk Besar dan kemudian mereka akan diajar dengan ilmu-ilmu kebatinan. (Mokhtar dlm Ramli Abu Bakar, 2015, 12)	Babak ini memaparkan Adnan mempelajari ilmu silat dengan gurunya. (Aziz M. Osman, 2000, minit 21:30)
Tunku Abdul Rahman	Abdul Rahman read law. A contemporary was Ivor Jennings, a scholar of the college and to-day Master of Trinity Hall. (Miller, 1982, 35)	Babak ini memaparkan Tunku Abdul Rahman menyatakan hasratnya untuk menghabiskan pendidikannya dalam bidang undang-undang. (Shuhaimi Baba, 2007, minit ke 21:50)

Kanang Anak Langkau	Saya mula mengenali hutan apabila mengikut datuk pergi berburu. Saya mula mahir tentang pantang larang di hutan. (Maznan Noordin, 2013, 8)	Babak ini memaparkan Kanang menunjukkan kemahiran selok belok hutannya kepada Mike Ayota. Kanang menyatakan bahawa dia boleh berburu apa-apa sahaja binatang yang Mike Ayota mahukan. (Bade Hj. Azmi, 2017, minit ke 4:50)
Mat Kilau	Sejak kecil, beliau dididik dengan ilmu agama dan ilmu pertahanan diri. Beliau dikatakan belajar mengaji dengan Imam Daud dan Haji Bontak, manakala, ilmu persilatan dipelajari dari beberapa orang pendekar seperti Mat Arif, dato' Bahaman dan juga bapanya sendiri Tok Gajah. (Arkib Negara Malaysia, 2011, 7)	Babak ini memaparkan Mat Kilau, Awang, Wahid, Yasin dan Brahim mendengar nasihat daripada guru silat mereka iaitu Tok Gajah setelah selesai latihan pertarungan. (Syamsul Yusuf, 2022, minit 09:46) Babak ini memaparkan Haji Botok mencadangkan Mat Kilau sebagai ketua pahlawan Pahang kerana Mat Kilau mempunyai ilmu tasawuf, ilmu hakikat dan juga hafalan yang baik. (Syamsul Yusuf, 2022, minit 23:15)

Latar pendidikan dan kemahiran tokoh memperlihatkan perbezaan dari segi cara pemaparannya. Latar pendidikan tokoh cenderung ditransformasikan secara implisit menerusi petunjuk audio. Kaedah pemindahan secara implisit ini dipilih kerana latar pendidikan formal sukar dipersembahkan melalui visual dan memerlukan perjalanan naratif yang panjang untuk dijelaskan. Justeru, maklumat tentang latar pendidikan formal diselitkan dalam filem secara halus melalui dialog supaya tidak menjejaskan perjalanan naratif.

Manakala, kemahiran tokoh pula lazimnya ditransformasikan secara eksplisit iaitu menerusi pemaparan visual kehandalan tokoh dalam sesuatu perkara. Hal ini dapat diperhatikan melalui pemaparan kehandalan seni bela diri silat oleh Leftenan Adnan dan Mat Kilau serta kehebatan ilmu hutan oleh Kanang Anak Langkau. Pemaparan kemahiran tokoh secara eksplisit ini mampu menonjolkan kekuatan fizikal tokoh kepada penonton dengan lebih berkesan.

iv. Kesihatan

Latar kesihatan hanya dapat dikenal pasti menerusi satu tokoh sahaja iaitu Tun Abdul Razak. Beliau dipaparkan menghadapi penyakit leukimia semasa memegang tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua. Pemaparan penyakit ini berperanan untuk menonjolkan lagi pengorbanan beliau terhadap negara kerana kemampuan beliau untuk memerintah negara meskipun dalam keadaan yang uzur. Selain itu, pemaparan ini juga berperanan sebagai sebab kepada kematian Tun Abdul Razak yang dipaparkan pada babak pengakhiran. Jadual di bawah memaparkan proses transformasi penyakit leukimia Tun Abdul Razak.

Jadual 6: Transformasi kesihatan Tun Abdul Razak

Hipoteks	Hiperteks
<i>But from the time he became Prime Minister, he was living with a personal secret that would shock the nation and bring sympathy several years later. He was suffering from a rare disease of the blood commonly known as mononucleosis.</i> (Paridah Abd. Samad, 1998, 13)	Babak ini memaparkan Tun Abdul Razak dirawat di klinik Dr. Ismail. Dr. Ismail kelihatan amat terkejut dan risau tentang keadaan Tun Abdul Razak. Namun, Tun Abdul Razak meminta supaya penyakitnya dirahsiakan daripada semua orang termasuklah keluarganya. (Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 42:19)

Babak ini memaparkan Tun Abdul Razak akhirnya memberitahu Tun Dr. Ismail tentang keadaan kesihatannya yang menghadapi leukimia peringkat teruk.

(Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 53:20)

Babak ini memaparkan Tun Abdul Razak dirawat di sebuah klinik di London. D. McPherson memberitahu Tun Rahah bahawa Tun Abdul Razak menghadapi penyakit Leukimia peringkat teruk.

(Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 93:00)

Ketiga-tiga babak iaitu babak permulaan, babak pertengahan dan babak pengakhiran memaparkan penyakit yang dihadapi oleh Tun Abdul Razak. Walau bagaimanapun, maklumat tentang penyakit leukimia yang dihadapi oleh Tun Abdul Razak hanya mula didedahkan pada babak pertengahan. Hal ini demikian kerana dalam babak permulaan keadaan kesihatannya hanya ditunjukkan secara implisit bagi mewujudkan unsur suspens dalam penceritaan. Teknik ini mendorong penonton untuk terus menunggu perkembangan seterusnya dalam naratif.

c. Sumbangan

Ketujuh-tujuh tokoh dipaparkan sumbangan mereka dalam FSNM. Sumbangan tokoh dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu sumbangan mempertahankan tanah air daripada ancaman luar dan sumbangan membina negara. Sumbangan mempertahankan tanah air daripada ancaman luar melibatkan perjuangan bersenjata dan dipaparkan oleh nasionalis beruniform serta nasionalis kemerdekaan. Manakala, sumbangan dalam membina negara pula melibatkan usaha tokoh dalam menguruskan negara dan memastikan kestabilannya. Sumbangan ini digambarkan oleh nasionalis politik. Jadual di bawah memaparkan proses transformasi sumbangan ketujuh-tujuh tokoh dalam filem.

Jadual 7: Transformasi sumbangan tokoh dalam FSNM

Tokoh	Hipoteks	Hiperteks
Nasionalis Beruniform		
Sarjan Jamil Md Shah	Semua 18 anggota polis termasuk tiga anggota AP yang diketuai Sarjan Jamil Md Shah termasuk beberapa anggota yang berkubu di berek kelamin terus membalas serangan hebat komunis yang datang menyerang dari tiga penjuru. (Muhammad Zaidee Daut, 2008, 39)	Babak pertengahan mula memaparkan Sarjan Jamil sebagai ketua pasukan polis Bukit Kepong yang menentang komunis. Dalam babak pertengahan ini, Sarjan Jamil dipaparkan memimpin pasukan polis dengan memberi arahan dan menyusun strategi penentangan. (Jins Shamsudin, 1981, minit ke 48:45 sehingga babak pengakhiran)
Leftenan Adnan	In late 1941, Lt Adnan was sent to Singapore to lead one of the Malay Regiments to defend Bukit Chandu, in Pasir Bukit Panjang and stop it from falling to the Japanese. (The Straits Times, 14 Februari 1996, 5)	Babak pertengahan memaparkan Leftenan Adnan sebagai ketua platoon pasukannya. Dalam babak ini, Leftenan Adnan dipaparkan memberi arahan dan mengatur strategi dengan menempatkan anggota pasukannya di kawasan-kawasan yang sepatutnya. (Aziz M. Osman, 2000, minit ke 53:42 sehingga babak pengakhiran filem)

Kanang Anak Langkau	Kini saya dipertanggungjawab membantu memimpin sebuah platoon raifal. Saya menjadi orang kanan ketua platoon, pendeknya jikalau ketua platoon tidak ada, sayalah yang bertanggungjawab memimpin dan mentadbir platoon tersebut. (Maznan Noordin, 2013, 86)	Babak pertengahan memaparkan Kanang sebagai ketua yang memimpin platoonnya. Hal ini dapat diteliti daripada paparan Kanang memberi arahan dan mengetahui pencarian komunis. (Bade Hj. Azmi, 2017, minit 31:28 sehingga babak pengakhiran filem)
---------------------	--	---

Nasionalis Kemerdekaan

Paduka Mat Salleh	Pada tahun 1894, William Clark Cowie dan gabenor Creagh telah menghadapi kekacauan yang sangat dasyat di negeri Sabah, iaitu perang melawan seorang panglima yang sangat terenal di Sabah bernama Mat Saleh. (Buyong Adil, 1981, 15).	Babak permulaan memaparkan seorang tua yang hidup pada zaman moden menceritakan tentang Paduka Mat Salleh yang merupakan pahlawan Sabah yang menentang British. Pemaparan visual Paduka Mat Salleh sebagai pahlawan Sabah yang mengetuai perjuangan menentang British kemudian dipaparkan dengan memaparkan Paduka Mat Salleh mengetuai perbincangan dan memberi arahan serta membut keputusan bagi segala tindakan pasukan. (Omar Rojik, 1983, minit ke 5:00)
-------------------	---	--

Mat Kilau	Dalam sejarah negeri Pahang, Mat Kilau beserta Dato' Bahaman dan Tok Gajah merupakan tokoh-tokoh yang terkenal kerana keberanian dan kegagahan mereka melancarkan gerakan-gerakan penentangan terbuka terhadap British kerana membantah pengambil alihan dan campur tangan British dalam pentadbiran negeri Pahang. (Arkib Negara Malaysia, 2011, 6)	Babak ini memaparkan Mat Kilau bertindak sebagai ketua pasukan untuk menentang British selepas dilantik oleh para pembesar. Mat Kilau diaparkan memberi arahan dan mengetahui perjuangan tersebut. (Syamsul Yusuf, 2022, minit ke 80:30 sehingga babak pengakhiran filem)
-----------	--	---

Nasionalis Politik

Tunku Abdul Rahman	Pertemuan Tunku dengan Donald MacGillivray pada hari Ahad, 31 Julai 1955 merupakan langkah pertamanya. Ketibaan di Kings's House tempat kediaman rasmi Persurujhaya British yang tersergam indah di atas bukit kecil, Taman Bunga, Kuala Lumpur disambut begitu mesra sekali. Inilah langkah pertama Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin Perikatan meminta kuasa pemerintahan daripada kerajaan British. (Ramlah Adam, 2004, 243)	Babak pertengahan memaparkan Tunku Abdul Rahman yang bergiat aktif dalam misi mendapatkan kemerdekaan daripada British. Tunku Abdul Rahman dipaparkan sebagai ketua yang memimpin segala rundingan, perbincangan bagi meraih kemerdekaan. (Shuhaimi Baba, 2007, minit ke 109:00 sehingga babak pengakhiran filem)
--------------------	---	---

Tun Abdul Razak	<i>He would preside at the installation of his nephew as the new Yang di-Pertuan Agong and then on the next morning, tender his resignation and</i>	Babak ini memaparkan Tun Abdul Razak telah dilantik menjadi Perdana Menteri ke-2 selepas Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan. Tun Abdul Razak
-----------------	---	---

<i>request the Yang di-Pertuan Agong to appoint Tun Abdul Razak as the new Prime Minister.</i> (Ibrahim Mahmood, 1981, 86)	dipaparkan berusaha untk memulihkan Malaysia daripada tragedi 13 Mei 1969 menerusi pelbagai aspek. (Shuhaimi Baba, 2013, minit ke 12:42 hingga babak pengakhiran)
---	--

Ketiga-tiga kategori tokoh ini memperlihatkan perbezaan dari segi pemaparan sumbangan mereka. Sumbangan mempertahankan tanah air oleh nasionalis beruniform dan nasionalis kemerdekaan cenderung dipaparkan secara eksplisit menerusi menerusi lakonan dalam babak-babak pertempuran. Babak-babak tersebut menekankan penyampaian arahan serta perbincangan strategi pasukan dalam menghadapi ancaman musuh. Pemaparan secara eksplisit ini membolehkan pengorbanan tokoh dalam medan perang ditonjolkan dengan jelas kepada penonton. Manakala, sumbangan membina negara pula dipaparkan secara implisit menerusi dua kaedah iaitu lakonan dan rakaman sejarah. Menerusi lakonan, kedua-dua tokoh memaparkan sumbangan mereka melalui babak perbincangan sama ada dalam mesyuarat rasmi atau perbincangan tidak rasmi. Manakala, rakaman sejarah berperanan memaparkan rakaman sebenar peristiwa-peristiwa penting yang menonjolkan sumbangan kedua-dua tokoh. Penggunaan rakaman sejarah sebenar ini bertujuan memberi kesan realistik dan menguatkan lagi ketulenan fakta dalam pemaparan sumbangan nasionalis politik.

d. Perwatakan

Ketujuh-tujuh tokoh dipaparkan memiliki sifat heroisme. Namun, bentuk pemaparannya berbeza mengikut kategori tokoh. Tokoh nasionalis beruniform dan nasionalis kemerdekaan menzahirkan sifat heroisme melalui keupayaan tokoh untuk terus bertahan walaupun berdepan pelbagai halangan dalam pertempuran bersenjata. Manakala, nasionalis politik pula memperlihatkan heroisme melalui kepimpinan dalam pentadbiran apabila tokoh tetap meneruskan perjuangan membina negara meskipun mengharungi pelbagai cabaran. Jadual di bawah memaparkan proses transformasi sifat heroisme ketujuh-tujuh tokoh dalam FSNM.

Jadual 8: Transformasi sifat heroisme tokoh dalam FSNM

Tokoh	Hipoteks	Hiperteks
Sarjan Jamil Md Shah	Semua 18 anggota polis termasuk tiga AP yang diketuai oleh Sarjan Jamil Md Shah termasuk beberapa anggota yang berkubu di berek kelamin terus membalas serangan hebat komunis yang datang menyerang dari tiga penjuru. Selang 20 minit kemudian, pasukan komunis telah menghentikan serangan dan menyeru pasukan polis menyerah diri. Namun ia tidak dihiraukan oleh anggota polis yang masih tetap mahu meneruskan perjuangan mereka melawan pegganas komunis. (Muhammad Zaidee Daut, 2008, 39)	Babak ini memaparkan Sarjan Jamil Md Shah tidak mahu menyerah kalah walaupun telah diseru oleh pihak komunis untuk menyerah diri. (Jins Shamsudin, 1980; minit 55:16 hingga babak pengakhiran)
Paduka Mat Salleh	Heroisme Mat Salleh dapat dirujuk daripada kisah perjuangannya menentang British di Sabah tidak mengenali erti putus asa. (Buyong bin Adil, 1981, 15-28)	Paduka Mat Salleh dipaparkan terus berlawan dengan pihak British walaupun pasukannya berdepan dengan masalah sumber air yang tidak mencukupi. (Omar Rojik, 1981, minit 70:48 hingga babak pengakhiran)

Leftenan Adnan	In the bitter fighting that ensued, Adnan was mortally wounded but encouraged his troops to continue fighting. (Dol Ramli, 1965, 239)	Adnan dipaparkan tidak berundur walaupun pasukan Jepun semakin mara. (Aziz M. Osman, 2000, minit 81:00 hingga babak pengakhiran)
Tunku Abdul Rahman	Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bertindak sebagai perunding kemerdekaan utama Tanah Melayu. Beliau mengetuai delegasi Perikatan ke London pada Januari–Februari 1956 dalam rundingan dengan British yang membawa kepada penetapan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. (Ramlah Adam, 2004, 241)	Babak pertengahan memaparkan Tunku Abdul Rahman gigih berusaha mendapatkan kemerdekaan daripada British walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan daripada British. (Shuhaimi Baba, 2007, minit ke 84:20 sehingga babak pengakhiran filem)
Tun Abdul Razak	Towards the end of 1975 his condition deteriorated. Word went out that Tun Abdul Razak was ill. People began whispering about it and still no certain voice came from the Prime Minister's Office, Tun Abdul Razak still carried on his job as if nothing was amiss. (Paridah Abd Samad, 1998, 126)	Tun Abdul Razak dipaparkan sebagai Perdana Menteri Malaysia Kedua yang bertanggungjawab memimpin negara selepas tragedi 13 Mei 1969. Walaupun, berhadapan dengan masalah penyakitnya, beliau tetap meneruskan pemerintahannya sehabis baik (Shuhaimi Baba, 2013, minit 41:55 hingga babak pengakhiran)
Kanang Anak Langkau	Di hadapan saya, musuh masih mengganas dan terus melepaskan tembakan. Mata saya mula menjadi gelap dan saya terlupa pantang larang yang saya takuti selama ini. Saya hanya ingat musuh yang kini berada di hadapan saya. "Agi idup agi ngelabannnnnn! Ikut saya serang!!!" Jerit saya kepada anggota-anggota yang lain. (Maznan Noordin, 2013, 3)	Dalam babak pertempuran, Kanang ditembak tetapi tetap bangkit melawan. Seruan "Agi Idup Agi Ngelaban" (Selagi Hidup Selagi Berjuang) diungkapkan sebelum menyerbu musuh. (Bade Hj. Azmi, 2017, minit 78:09 hingga 79:00)
Mat Kilau	Dalam sejarah negeri Pahang, Mat Kilau beserta Dato' Bahaman dan Tok Gajah merupakan tokoh-tokoh yang terkenal kerana keberanian dan kegagahan mereka melancarkan gerakan-gerakan penentangan terbuka terhadap British kerana membantah pengambil alihan dan campur tangan British dalam pentadbiran negeri Pahang. (Arkib Negara Malaysia, 2011, 6)	Mat Kilau dipaparkan sebagai seorang ketua menentang British di Pahang. Walaupun berhadapan dengan kuasa British yang kuat dalam pertempuran, Mat Kilau tetap meneruskan perjuangannya. (Syamsul Yusuf, 2022, minit 32:16 hingga babak pengakhiran)

Perwatakan heroisme memperlihatkan perbezaan dari segi pemaparannya. Nasionalis beruniform dan nasionalis kemerdekaan memaparkan heroisme secara eksplisit. Hal ini kerana sifat heroisme dalam pertempuran fizikal lebih mudah dizahirkan secara langsung. Heroisme kedua-dua kategori tokoh ini disampaikan menerusi audio dan visual. Secara audio, tokoh menonjolkan heroisme menerusi dialog yang menegaskan keengganan untuk mengalah dan laungan slogan kesetiaan terhadap perjuangan. Secara visual pula, tokoh dipaparkan tidak berputus asa dalam pertempuran walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan seperti kelemahan pasukan, kekangan senjata serta kecederaan akibat tembakan.

Sebaliknya, perwatakan heroisme nasionalis politik dipaparkan secara implisit kerana heroisme mereka lebih tertumpu kepada kepimpinan dalam pentadbiran negara. Sifat heroisme ini tidak dizahirkan melalui aksi fizikal, tetapi disampaikan melalui kesungguhan mereka dalam menguruskan negara walaupun berhadapan pelbagai halangan. Tunku Abdul Rahman dipaparkan berdepan tekanan dan halangan daripada pihak penjajah untuk mendapatkan kemerdekaan. Manakala, Tun Abdul Razak pula ditampilkan berhadapan dengan isu rusuhan kaum, saki baki komunis serta masalah kesihatan semasa kepimpinannya.

EKSPANSI

Prinsip ekspansi hanya dilalui oleh dua daripada tujuh tokoh sahaja. Tokoh-tokoh tersebut ialah Leftenan Adnan dan Kanang Anak Langkau. Ekspansi dalam konteks kajian ini melibatkan proses pengembangan dan perluasan terhadap latar masa kehidupan kedua-dua tokoh tersebut. Hal ini dapat diperhatikan apabila kedua-dua tokoh ini diperkenalkan dalam filem semasa usia awal iaitu sama ada sebagai kanak-kanak mahupun remaja. Gambar 11 dan Gambar 12 di bawah memaparkan Adnan dan Kanang semasa usia muda.



Rajah 11: Pemaparan Adnan semasa kecil dalam filem *Leftenan Adnan* (2000)



Rajah 12: Pemaparan Kanang semasa remaja dalam filem *Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior* (2017)


Pemaparan tokoh pada usia muda hanya ditampilkan pada babak permulaan filem. Penampilan ini berperanan untuk menonjolkan pembentukan minat serta kemahiran dalam kerjaya mereka sebagai anggota unit beruniform. Adnan semasa kecil dipaparkan sebagai seorang yang gemar bermain aksi perang bersama adik-beradiknya dan mempunyai sifat berani dalam babak majlis berkhatan. Manakala, Kanang pula diperkenalkan sebagai seorang remaja yang tinggal bersama-sama datuknya dan sentiasa mengikut datuknya ke hutan untuk

belajar memburu dan mengenali selok-belok alam sekitar. Apabila naratif memasuki babak pertengahan, kedua-dua tokoh ini dipaparkan sebagai anggota tentera yang cekap dan berwibawa dalam kerjaya masing-masing. Justeru, jelas bahawa pemanjangan latar kehidupan kedua-dua watak tersebut berperanan memperlihatkan asas kepada minat serta kemahiran tokoh dalam kerjaya masing-masing.

HAPLOLOGI

Prinsip haplologi hanya dapat dikenal pasti melalui pemindahan tiga tokoh iaitu Paduka Mat Salleh, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Dalam konteks kajian ini, haplologi melibatkan pengguguran ahli keluarga ketiga-tiga tokoh tersebut. Sebanyak 12 ahli keluarga yang terdiri daripada isteri dan anak telah digugurkan. Ahli keluarga yang digugurkan terdiri daripada isteri kedua dan isteri ketiga tokoh serta anak-anak tokoh.

Jadual 9: Proses haplologi isteri dan anak tokoh

Filem	Hipoteks	Hiperteks
<i>Mat Salleh Pahlawan Sabah</i> (1983)	Hasil perkahwinan Mat Salleh dengan Aishah telah melahirkan dua orang anak lelaki Ahmad dan Kapayan dan seorang anak perempuan, Anang namanya. Hasil perkahwinan Mat Salleh dengan isteri ketiga, Sitimah (Dusun) telah melahirkan dua orang anak lelaki iaitu Palalun dan Tagas . (K.E.A Hiew dan Thani Hashim dlm Low Kok On, 1999, 31)	Dalam filem, Paduka Mat Salleh hanya dipaparkan mempunyai seorang isteri dan dua orang anak perempuan. (Minit ke 13:50 hingga minit ke 15:20)
<i>Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior</i> (2017)		Babak ini memaparkan Helen membawa empat orang anaknya ke pasar. (minit ke 58:18 dan minit ke 59:58)
<i>Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan</i> (2022)	Mat Kilau mempunyai beberapa orang anak hasil perkongsian hidup bersama tiga isterinya, Yang Chik binti Daud , Nik Wok dan Hajarah binti Abu Bakar . (Arkib Negara Malaysia, 2011, 7) Isterinya yang pertama bernama Yang Chik Bte. Daud , dengannya telah mendapat empat orang anak iaitu Omar , Khalid , Mat Ali dan Khadijah . (Talib Samat, 2007, 33)	Babak ini memaparkan Mat Kilau berada di dalam rumahnya dan sedang berbual bersama-sama anaknya Omar dan isterinya Yang Chik . (Syamsul Yusuf, 2022, minit 16:13 hingga 17:48)

Berdasarkan dokumentasi sejarah, Mat Salleh dan Mat Kilau mempunyai lebih daripada seorang isteri serta ramai anak. Manakala Kanang Anak Langkau pula mempunyai enam orang anak. Namun demikian, filem-filem tersebut hanya menampilkan seorang isteri

bagi setiap tokoh serta sebahagian kecil daripada jumlah anak sebenar. Hal ini menjadikan jumlah isteri yang digugurkan adalah sebanyak empat orang dan anak yang digugurkan sebanyak lapan orang. Pengguguran tersebut dilakukan bagi memastikan tumpuan penceritaan kekal kepada perjuangan tokoh dalam menentang kuasa luar tanpa terganggu oleh pengenalan ahli keluarga yang rumit dan kompleks. Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan kisah perjuangan disampaikan secara padat dalam tempoh durasi filem yang standard iaitu sekitar 1 jam 30 minit secara purata. Pengguguran ahli keluarga ini tidak menjejaskan ketepatan fakta sejarah tetapi berfungsi untuk menyampaikan kisah perjuangan tokoh dengan lebih fokus dan berkesan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mengenal pasti bahawa tokoh sejarah yang diangkat dalam FSNM telah melalui proses kreatif yang melibatkan tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, ekspansi dan haplogi. Daripada tiga prinsip tersebut, transformasi merupakan prinsip yang paling dominan. Hal ini dapat diteliti menerusi penyalinan dan pemindahan empat aspek tokoh sejarah iaitu nama, latar belakang, sumbangan dan perwatakan secara penuh. Dominasi prinsip ini menunjukkan bahawa penghasilan FSNM masih mengekalkan kesetiaan terhadap fakta sejarah khususnya dalam aspek pemaparan tokoh bagi memastikan ketepatan dan kredibiliti sejarah yang disampaikan kepada penonton. Walau bagaimanapun, tokoh-tokoh tersebut turut melalui proses pengolahan bagi menyesuaikan pemaparan mereka dengan keperluan naratif dan medium filem. Pengolahan ini melibatkan dua daripada 10 prinsip intertekstualiti iaitu ekspansi dan haplogi. Walau bagaimanapun, pengolahan tokoh dalam FSNM ini tidak menjejaskan fakta sejarah tentang tokoh yang dipaparkan. Sebaliknya, pengolahan tersebut berperanan menjadikan naratif lebih menarik dan memfokuskan naratif terhadap perjuangan tokoh.

Secara keseluruhannya, pengaplikasian teori intertekstualiti dalam kajian ini berjaya membuktikan bahawa pengolahan yang dilalui oleh tokoh sejarah yang diangkat ke dalam naratif adalah minimal iaitu sebanyak dua daripada 10 prinsip yang telah digariskan. Justeru, dapatan kajian ini berhasil dalam membuktikan bahawa FSNM masih mengangkat tokoh sejarah dengan tepat dan berlandaskan fakta sejarah walaupun berhadapan dengan cabaran untuk memenuhi keperluan naratif yang menarik. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada korpus ilmu terutamanya dalam menyediakan satu penelitian khusus terhadap proses kreatif yang dilalui oleh tokoh sejarah yang diangkat ke dalam filem.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas geran penyelidikan TAP-K021275 kerana telah membiayai kajian ini.

BIODATA

Siti Nur Izra Safra' Abd Halim ialah calon Doktor Falsafah di bawah penyeliaan Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah dalam bidang Pengurusan Persembahan Seni (Kritikan Filem) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 43600 UKM Bangi, Selangor. Email: izrasafra@gmail.com

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah, Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 43600 UKM Bangi, Selangor. Bidang kepakaran beliau adalah pengajian persembahan, filem, drama dan teater. Email: nurafifah@ukm.edu.my

Steven Alezender merupakan pensyarah GiG di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional, dengan tumpuan khusus kepada genre Historiografi Melayu. Email: stevenalezender95@gmail.com

RUJUKAN

- Arkib Negara Malaysia. (2011). *Mat Kilau: Pahlawan Pahang*. Arkib Negara Malaysia.
- Azean Idruwani Idrus, & Iffah Sakinah Othman. (2023). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam filem Mat Kilau. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(2), 88–100.
- Buyong bin Adil. (1981). *Sejarah Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cooke, L. (1999). An introduction to film studies. In J. Nelmes (Ed.), *British cinema: Representing the nation* (pp. 347–380). Routledge.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Sage Publications.
- Dol Ramli. (1965). History of Malay regiment. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 38(1), 199–243.
- Farah Iwani Azali, & Mohd Adi Amzar. (2023). Isu perubahan sosial dalam filem Mat Kilau: Satu kajian lepas. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS)*, 404–408.
- Fatimah Muhd Shukri, & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2018). Sepet (2005): Sebuah filem nasional Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 309–322.
- Fatimah Muhd Shukri, Nur Asfarina Ab Aziz, & Mohd Saipuddin Sulaiman. (2022). Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) sebuah filem cerminan ummah. *Proceedings of International Conference on Ummah 2022*, 769–779.
- Hatta Azad Khan. (1994). *The Malay cinema 1948-1989: Early history and development in the making of national cinema* (Doctoral dissertation). The University of New South Wales. <http://unsworks.unsw.edu.au/fapi/datastream/unsworks:35585/SOURCE02>
- Hatta Azad Khan. (1997). *The Malay cinema*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah perjuangan bangsa Melayu*. Pustaka Antara.
- Jins Shamsuddin. (2010). *Filem Melayu 1930an-1960an sebagai citra budaya dan sejarah negara* (Doctoral dissertation). Universiti Utara Malaysia.
- Juhan Junaidi, Zairul Anuar, & Rosli Sareya. (2021). Elemen patriotisme dalam filem Mat Salleh Pahlawan Sabah (1983). *Jurnal Gendang Alam*, 11(1), 169–188.
- Mawar Safei, & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Daun sebagai wahana komunikasi dalam kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 157–175.
- Maznan Noordin. (2010). *Kanang: Cerita seorang pahlawan*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Miller, H. (1982). *Prince and premier: A biography of Tunku Abdul Rahman Putra*. Eastern Universities Press.
- Mohamad Aqriel Shazwan Bin Md Shahrudin. (2023). *Filem Mat Kilau dan kebangkitan konservatisme Melayu* (Bachelor's thesis). Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Pauzi. (2011). *Peristiwa Bukit Kepong dalam novel Bukit Kepong dan filem Bukit Kepong berdasarkan pendekatan historisme baru* (Master's thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Ismail, & Rosli Mokhtar. (2022). Filem Mat Kilau: Satu analisis standard filem patuh syariah. *6th Muzakarah Fiqh and International Conference 2022*, 483–494.
- Muhammad Zaidee Daut. (2008). *Wira Bukit Kepong: Yusuff Rono*. Institut Kajian Sjarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Nor Hafidah, Melor Fauzita, & Rohaya Md. Ali. (2018). Leftenan Adnan: Manifestasi penggunaan retorik dalam filem. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 578–585.

- On, L. K. (1999). *Citra wira rakyat dalam lagenda Mat Salleh* (Unpublished master's thesis). Universiti Sains Malaysia.
- Paridah Abd. Samad. (1998). *Tun Abdul Razak: A phenomenon in Malaysian politics: A political biography*. Partisan Publication & Distribution.
- Polis Diraja Malaysia. (t.th.). Sejarah: Bukit Kepong. <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/bukit-kepong>
- Ramlah Adam. (2004). *Biografi politik: Tunku Abdul Rahman Putra*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Abu Bakar. (2015). *Leftenan Adnan Saidi pahlawan Bukit Chandu*. Penerbit UPNM.
- Rosaini Mahmud. (2011). *Nilai-nilai murni dalam filem Bukit Kepong dan penggunaan filem dalam pengajaran* (Bachelor's thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Roslina Abdul Latif, & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2020). Filmic education of borderland texts in Joho and Bunohan. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 12(1), 125–139.
- Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah, & Sabullah Haji Hakkan. (2007). *Datu Paduka Mat Salleh pahlawan Sabah (1894-1900)*. Arkib Negeri Sabah.
- Siti Nur Izra Safra'. (2022). *Fakta sejarah dan proses kreatif dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* (Master's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Nur Izra Safra', & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2023). Fakta sejarah dan proses kreatif dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022). *Jurnal Komunikasi*, 39(3), 221–238.
- Siti Rahimah Buniamin. (2013). *Patriotisme sebagai elemen sinema nasional: Kajian terhadap filem Tanda Putera (2013)* (Bachelor's thesis). Universiti Teknologi MARA.
- Street, S. (1997). *British national cinema*. Taylor & Francis.
- Talib Samat. (2007). *Jejak pahlawan Mat Kilau: Tokoh pahlawan nasional*. Goal Intelligent Publishing.
- The Straits Times*. (1996, Februari 14). WII hero who died fighting the Japanese.
- Wan Aida Wan Yahaya. (2011). *Historical film and the Asian nations: Struggles for independence and emancipation—A gendered perspective* (Doctoral dissertation). Monash University.